

# Dialog Pangkor selari peranan NCIA

**IPOH 11 Sept.** - Dialog Pangkor 2017 yang bermula hari ini amat sesuai dengan peranan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dalam memacu perkembangan sosioekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq Abdul Razak berkata, ini kerana lebih 300 peneraju

industri dari 33 negara menyertai program edisi keempat tersebut.

Tambahnya, ia secara tidak langsung membuka ruang dan kelebihan untuk meneroka peluang pelaburan berimpak tinggi dari seluruh dunia.

“Dialog Pangkor 2017 memperlihatkan penglibatan terbesar sektor swasta dari seluruh negara



**REDZA RAFIQ ABDUL RAZAK**

berbanding tahun-tahun sebelumnya.

“Ia secara tidak langsung menyokong objektif NCIA iaitu untuk mencapai pembangunan ekonomi sambil menggalakkan keterangkuman ke arah mengekalkan pengagihan yang saksama dalam

wilayah ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pada program hari pertama Dialog Pangkor 2017 di Pusat Konvensyen Amanjaya, Casuarina@Meru di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Darul Ridzuan (IDR), Dr. Maza-

lan Kamis.

Selain NCIA bertindak sebagai rakan strategik, Dialog Pangkor 2017 buat julung kalinya diadakan dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Penganjuran dialog selama dua hari itu membariskan 80 pembentang kertas kerja melibatkan lebih 20 sesi perbincangan dengan penyertaan delegasi dari 33 buah negara.

Lebih menarik, dialog ini bukan sahaja dibantu oleh sukarelawan dari Malaysia, tetapi juga dari 14 buah negara.

Tambah Redza Rafiq, elemen keterangkuman amat penting bagi memastikan rakyat setempat turut mendapat manfaat dari projek yang dijalankan.

“Inilah pentingnya elemen keterangkuman yang merupakan antara inisiatif yang NCIA laksanakan,” katanya.